



UKK/600-01/02 Jld 7

SIARAN MEDIA

LAIN MACAM 2023

LANGKAWI – LAIN MACAM 2023 atau akronim bagi Langkawi International Marble Art Camp. Program LAIN MACAM 2023 merupakan program yang diperluaskan dari LAIN MACAM 2022 dengan pengisian aktiviti *Community Based Arts* bersempena Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA).

Langkawi International Marble Art Camp masih mengekalkan penggunaan batu pualam Langkawi sebagai material utama dan juga keterbukaan menggunakan material lain dalam penghasilan karya seni. Dari bentuk pengisian, LAIN MACAM 2023 kali ini mengadakan tiga hari festival bermula pada 25 hingga 27 Mei yang penuh dengan pelbagai aktiviti dari siang hingga ke malam. Pengunjung juga dapat melawat Pameran Taman Arca Batu Pualam dimana sebanyak 23 karya arca batu pualam dari siri-siri kem seni sebelum ini dipamerkan. Selain daripada itu pengisian dipadatkan dengan demonstrasi kelas seni cyanotype, mencanting batik di atas tote beg, mencipta pesawat kertas dari kertas dan kotak terbang dan Pameran Lima Lima Lima yang mana pengunjung boleh bersantai sambil berkarya dengan 555 kanvas kecil sempena LIMA 2023. Dalam masa yang sama, pengunjung yang hadir akan dihiburkan dengan persembahan muzik eksperimental, seni literasi, seni persembahan, simposium dan seni bunyi yang unik dan semestinya akan lebih “lain macam” berbanding tahun lepas.

Seramai 10 orang pengkarya warga tempatan Langkawi iaitu Nazri bin Abdullah, Mohd Syafiq bin Hassan, Suzuan bin Suhaimi, Mohd Iskandar Mustafa, Mohd Zahir b. Ismail, Mohd Alief Syukri bin Sakaran, Amirul Hafiz bin Mat Aziz, Abd Hamid bin Muhamad, Syahril Azwan Salleh dan Siti Sahar Abouzainedin akan terlibat dalam program LAIN MACAM ini.

Program ini akan berlangsung selama 10 hari, 9 malam bermula pada 19 Mei sehingga 29 Mei 2023 bertempat di Dikaki Tower House Gunung Raya, Pulau Langkawi, Kedah. Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my